

# BENGKEL PERANCANGAN STRATEGIK 2007

**Bertempat** di Hotel Equatorial, Cameron Highland seramai hampir 100 orang kakitangan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah 'berkampung' sebagai peserta untuk Bengkel Perancangan Strategik 2007 bermula 2 Februari 2007 hingga 4 Februari 2007. Para peserta terdiri daripada Pegawai-pegawai Utama Universiti, Ketua-ketua Jabatan, Dekan-dekan, Timbalan Dekan, Timbalan Pengarah dan Pegawai-pegawai Tadbir bagi setiap Pusat Tanggungjawab yang terdapat di Universiti ini.

Bengkel ini diadakan bagi membincang, mengupas dan mendapatkan input-input bernalas daripada para peserta bagi penghasilan Perancangan Strategik Universiti 2007. Asas perbincangan adalah berdasarkan misi UniMAP iaitu Melahirkan Modal Insan Kamil Yang Menyumbang Kepada Pembangunan dan Daya Saing Industri Negara; dan visi UniMAP iaitu Institusi Akademik dan Penyelidikan Yang Berdaya Saing di Persada Antarabangsa.

Y.Bhg. Naib Canselor berharap agar hasil daripada pemahaman terhadap konsep-konsep di dalam misi dan visi UniMAP itu, para peserta dapat merancang strategi yang rapi dan menyusun pelan tindakan yang jitu dalam usaha menjadikan UniMAP universiti yang tersohor dan segala hasil perbincangan ini akan seterusnya disampaikan dan dikongsi bersama dengan kakitangan lain di setiap Pusat Tanggungjawab agar peranan setiap kakitangan adalah seiring dengan kehendak dan pelan tindakan strategik yang dibangunkan.

